

Brings Data to Life

20 Ogos 2021 | SIRI 1/2021



“ Projek StatsDW 2.0 telah bermula pada 1 Oktober 2019 dan merupakan salah satu projek DOSM yang bertujuan untuk meningkatkan sistem penyampaian statistik ke arah pengumpulan keseluruhan data dan statistik di DOSM, memudahkan pengurusan metadata serta mengurus perkongsian data, komunikasi, penganalisan, analitik dan sebagainya.”

“ Pembangunan projek ini mempunyai strategi jangka panjang dengan mengambil kira revolusi dan peranan utama DOSM dalam penyediaan data melalui pangkalan data yang bersifat mesra pengguna agar dapat mengubah landskap sistem statistik negara.”

YBhg. Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin
Ketua Perangkawan Malaysia
Jabatan Perangkaan Malaysia
Merangkap Pengerusi
Jawatankuasa Pemandu
Projek StatsDW 2.0

PENGENALAN PROJEK StatsDW

Pada November 2014, Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) telah memulakan Projek *Statistics Data Warehouse* (StatsDW) Fasa I yang berperanan sebagai hub penyimpanan data setempat. Pembangunan StatsDW Fasa I telah bermula pada 2014 hingga 31 Disember 2015. Modul utama yang telah dibangunkan dalam StatsDW Fasa I adalah *Visualization*, *Time Series*, *Location Intelligence*, *eDataBank*, *MyLab*, *Analytics* dan *Mobile Apps*. Modul ini telah dihubungkan ke portal rasmi DOSM dengan objektif untuk memperluaskan penggunaan statistik di kalangan pengguna. Selain itu, terdapat tiga (3) modul sokongan iaitu *Business Metadata*, *User Profile* dan *Dissemination*.

Pada Mac 2019, DOSM telah merancang untuk pembangunan StatsDW Fasa II bertujuan untuk mewujudkan gerbang kepada capaian keseluruhan data DOSM dalam bentuk yang interaktif. *Outcome* daripada projek ini adalah untuk memastikan penghasilan data DOSM yang berkualiti secara berpusat dan pengurusan data yang lebih terselaras.

Inisiatif ini sekaligus memperluaskan skop StatsDW Fasa I yang meliputi:

A

Memperkasa pengurusan data dan metadata yang efisien dan efektif

B

Skop data StatsDW Fasa II diperluaskan kepada banci / survei bulanan dan suku tahunan berbanding StatsDW Fasa I yang lebih tertumpu kepada data banci / survei tahunan

C

Merekayasa *Insightful Business Intelligence (BI)* bagi memudahkan pengguna menerokai data

D

Memperluaskan akses data mikro kepada pengguna awam melalui *Virtual MyLab*

E

Mewujudkan blueprint yang akan mengandungi perancangan strategik lima (5) tahun StatsDW termasuk *data governance* StatsDW sebagai *Statistical Data Intelligence Hub DOSM*

F

Integrasi data dan sistem antara Jabatan dan *Other Government Agencies (OGA)*

Akan Datang:

**Tadbir Urus
StatsDW 2.0**

Pelancaran Go-LIVE

179 Hari Lagi